
Vol. 8, Number 1, 2026, pp: 184-200



BORNEO INTERNATIONAL JOURNAL OF EDUCATION
Published by Penerbit Universiti Malaysia Sabah
E-ISSN 2710-7361
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/bije



How to cite this article:
Awang Japilan, N. H., Muhamad, N., & Saili, J. (2026). Penerokaan dimensi efikasi kendiri guru dalam pengajaran tilawah al-Quran: Suatu analisis konseptual. *Borneo International Journal of Education, 8*(1), 184–200. https://doi.org/10.51200/bije.v8i1.8633

PENEROKAAN DIMENSI-DIMENSI EFIKASI KENDIRI DALAM KONTEKS PENGAJARAN TILAWAH AL-QURAN: SATU ANALISIS KONSEPTUAL

EXPLORING THE DIMENSIONS OF SELF-EFFICACY IN THE CONTEXT OF AL-QURAN TILAWAH TEACHING: A CONCEPTUAL ANALYSIS

Nurul Hamimi Awang Japilan[1*], Norhisham Muhamad[2] & Jahidih Saili[3]
[1]SMK Pekan Telipok, Malaysia
[2] Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tahfiz & Turath Islami (i-FURQAN), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
[3]Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Sabah Branch, Kota Kinabalu Campus, Malaysia

**Corresponding author:*
ustazahnurulhamimi@gmail.com

Article Info

Received:
13/08/2026
Accepted:
29/10/2026
Published:
28/11/2026
Keywords:
Self-efficacy, teaching of al-Quran recitation, Bandura's self-efficacy theory, al-Ghazali's perspective, Islamic education

© 2026 The Author(s). Open access under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International

Abstract

Teacher self-efficacy plays a crucial role in the teaching of Tilawah Al-Quran (Quranic recitation), yet a knowledge gap remains regarding the specific dimensions of self-efficacy within this context. Therefore, this conceptual study aims to identify the dimensions of teacher self-efficacy in teaching Tilawah Al-Quran by integrating Bandura's (1997) self-efficacy theory and Al-Ghazali's (1988) perspective. Through conceptual analysis, six dimensions were identified: mastery experiences, vicarious experiences, verbal persuasion, emotional states, motivation, and effort. Based on these dimensions, a conceptual model illustrating the relationships among the dimensions of teacher self-efficacy is proposed. This model incorporates both Bandura's self-efficacy theory and Al-Ghazali's perspective, emphasizing the importance of cognitive, affective, and spiritual factors in shaping teacher self-efficacy. Integrating these two perspectives produces a more holistic and relevant theoretical framework for understanding teacher self-efficacy within the context of Islamic Education. The findings of this study carry significant implications for self-efficacy theory and the instructional practice of Tilawah Al-Quran, while paving the way for further research that integrates self-efficacy theory with Islamic perspectives and values in a broader educational context.

License (CC BY 4.0).

Kata kunci:
Efikasi kendiri, pengajaran tilawah al-Quran, teori efikasi kendiri Bandura, perspektif al-Ghazali, pendidikan Islam

Efikasi kendiri guru memainkan peranan penting dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, namun masih terdapat jurang pengetahuan berkaitan dimensi-dimensi efikasi kendiri yang khusus dalam konteks ini. Oleh itu, kajian konseptual ini bertujuan untuk mengenal pasti dimensi-dimensi efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran dengan menggabungkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan perspektif Al-Ghazali (1988). Melalui analisis konseptual, enam dimensi telah dikenal pasti: pengalaman, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, keadaan emosi, motivasi, dan usaha. Berdasarkan dimensi-dimensi ini, satu model konseptual yang menggambarkan hubungan antara dimensi-dimensi efikasi kendiri guru dicadangkan. Model ini mengambil kira perspektif teori efikasi kendiri Bandura dan perspektif Al-Ghazali, yang menekankan kepentingan faktor kognitif, afektif, dan spiritual dalam pembentukan efikasi kendiri guru. Integrasi kedua-dua perspektif ini menghasilkan kerangka teori yang lebih holistik dan relevan untuk memahami efikasi kendiri guru dalam konteks Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini mempunyai implikasi penting terhadap teori efikasi kendiri dan amalan pengajaran Tilawah Al-Quran, serta membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan yang mengintegrasikan teori efikasi kendiri dengan perspektif dan nilai-nilai Islam dalam konteks pendidikan secara lebih meluas.

1.0 Pendahuluan

Efikasi kendiri guru yang merujuk kepada kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar dan mencapai hasil pengajaran, memainkan peranan penting dalam konteks pendidikan, termasuk pengajaran Tilawah Al-Quran (Bandura, 1997). Kajian-kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru mempunyai kesan positif terhadap amalan pengajaran, pencapaian pelajar, dan komitmen kerja guru (Tschannen-Moran & Hoy, 2001; Klassen & Tze, 2014; Ainimazita Mansor, 2016). Walau bagaimanapun, kajian berkaitan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran masih terhad (Musliza Jusoh & Siti Noor Ismail, 2021). Memandangkan pengajaran Tilawah Al-Quran mempunyai ciri-ciri yang unik, adalah penting untuk memahami dimensi-dimensi efikasi kendiri yang khusus dalam konteks ini. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis dimensi-dimensi efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran dengan menggabungkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan Al-Ghazali (1988), yang dapat memberikan pemahaman yang lebih komprehensif (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Dapatan kajian ini dijangka dapat menyumbang kepada pengembangan ilmu berkaitan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, serta membantu pihak berkepentingan dalam merangka strategi dan program pembangunan profesional guru untuk meningkatkan efikasi kendiri dan prestasi mereka (Norhannan Ramli & Hafizhah Zulkifli, 2022).

2.0 Sorotan Literatur

Bahagian ini membincangkan konsep, teori dan dimensi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah al-Quran. Perbincangan turut meneliti dapatan kajian lepas serta integrasi teori efikasi kendiri Bandura (1997) dengan perspektif al-

Ghazali (1988) bagi memberikan pemahaman yang lebih komprehensif tentang efikasi kendiri guru daripada aspek kognitif, afektif dan spiritual.

2.1 Konsep Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri merujuk kepada kepercayaan individu terhadap keupayaan mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas atau mencapai sesuatu matlamat (Bandura, 1997). Dalam konteks pendidikan, efikasi kendiri guru ditakrifkan sebagai kepercayaan guru terhadap keupayaan mereka untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar dan mencapai hasil pengajaran yang diingini (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Efikasi kendiri berbeza daripada konsep-konsep berkaitan seperti harga diri dan keyakinan diri, kerana ia berfokus kepada penilaian individu terhadap keupayaan mereka dalam situasi atau tugas yang spesifik (Bandura, 1997). Efikasi kendiri mempengaruhi cara individu berfikir, berasa, bermotivasi, dan bertindak dalam pelbagai situasi, termasuk dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (Bandura, 1997; Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi cenderung untuk mempamerkan sikap yang lebih positif, bermotivasi, dan berdedikasi dalam pengajaran mereka, serta lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dan rintangan dalam profesion keguruan (Tschannen-Moran & Hoy, 2001; Morris et al., 2017). Justeru, pemahaman tentang konsep efikasi kendiri adalah penting dalam mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi dan keberkesanan guru dalam melaksanakan tugas pengajaran mereka, termasuk dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023).

2.2 Teori Efikasi Kendiri Bandura

Teori efikasi kendiri yang dikemukakan oleh Albert Bandura (1997) merupakan asas penting dalam memahami efikasi kendiri guru. Menurut Bandura, efikasi kendiri individu dipengaruhi oleh empat sumber utama: (1) pengalaman penguasaan (mastery experiences), iaitu kejayaan atau kegagalan individu dalam melaksanakan sesuatu tugas; (2) pengalaman tidak langsung (vicarious experiences), iaitu pemerhatian terhadap kejayaan atau kegagalan orang lain; (3) pujukan lisan (verbal persuasion), iaitu maklum balas dan galakan daripada orang lain; dan (4) keadaan emosi (emotional states), iaitu reaksi emosi individu terhadap sesuatu tugas (Bandura, 1997; Morris et al., 2017; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Pengalaman penguasaan dianggap sebagai sumber yang paling berpengaruh dalam pembentukan efikasi kendiri, di mana kejayaan dalam melaksanakan sesuatu tugas akan meningkatkan efikasi kendiri, manakala kegagalan akan melemahkan efikasi kendiri (Bandura, 1997; Morris et al., 2017). Pengalaman tidak langsung, seperti pemerhatian terhadap kejayaan atau kegagalan rakan sekerja, juga memainkan peranan penting dalam membentuk efikasi kendiri guru, terutamanya bagi guru baharu yang kurang berpengalaman (Bandura, 1997; Stigmar, 2016). Pujukan lisan daripada pihak lain, seperti maklum balas positif dan galakan daripada pentadbir sekolah atau rakan sekerja, dapat meningkatkan efikasi kendiri guru, manakala kritikan negatif atau kurangnya sokongan boleh menjejaskan efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Chizhik et al., 2018; Nishimura & Sakurai, 2017). Keadaan emosi guru, sama ada positif atau negatif, juga mempengaruhi efikasi kendiri mereka, di mana emosi positif

seperti keyakinan dan keseronokan dapat meningkatkan efikasi kendiri, manakala emosi negatif seperti kebimbangan dan tekanan boleh melemahkan efikasi kendiri (Bandura, 1997; Hagenauer et al., 2015; Chen, 2019).

2.3 Dimensi Efikasi Kendiri Guru Dalam Konteks Pengajaran Tilawah Al-Quran

Dalam kajian ini, dimensi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran ditentukan dengan menggabungkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan perspektif Al-Ghazali (1988). Dimensi efikasi kendiri Bandura terdiri daripada (i) pengalaman, (ii) pengalaman tidak langsung, (iii) pujukan lisan, dan (iv) keadaan emosi (Bandura, 1997; Morris et al., 2017; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Dimensi-dimensi ini kemudiannya ditambah dengan dua dimensi oleh Al-Ghazali, iaitu (v) motivasi dan (vi) usaha (Al-Ghazali, 1988). Oleh itu, keseluruhan dimensi efikasi kendiri dalam kajian ini adalah seperti berikut: (i) pengalaman, (ii) pengalaman tidak langsung, (iii) pujukan lisan, (iv) keadaan emosi, (v) motivasi, dan (vi) usaha. Dimensi pengalaman merujuk kepada pengalaman langsung guru dalam melaksanakan tugas pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana kejayaan atau kegagalan pada masa lalu akan mempengaruhi efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Tschannen-Moran & Hoy, 2007; Morris et al., 2017). Dimensi pengalaman tidak langsung pula melibatkan pemerhatian guru terhadap kejayaan atau kegagalan rakan sekerja dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, yang boleh meningkatkan atau melemahkan efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Dimensi pujukan lisan merangkumi maklum balas positif, galakan, dan sokongan daripada pihak lain berkaitan prestasi guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, yang dapat mempengaruhi efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Chizhik et al., 2018; Nishimura & Sakurai, 2017). Dimensi keadaan emosi pula merujuk kepada reaksi emosi guru terhadap tugas pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana emosi positif dapat meningkatkan efikasi kendiri, manakala emosi negatif boleh melemahkan efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Hagenauer et al., 2015; Chen, 2019).

2.4 Efikasi Kendiri Guru dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran

Efikasi kendiri guru memainkan peranan penting dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana guru perlu mempunyai pengetahuan mendalam tentang ilmu tajwid, fasih dalam bacaan Al-Quran, serta mampu menggunakan strategi pengajaran yang berkesan untuk membantu pelajar menguasai kemahiran membaca Al-Quran dengan betul (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran adalah penting kerana ia mempengaruhi keyakinan guru dalam melaksanakan tanggungjawab ini dan motivasi mereka untuk terus meningkatkan kemahiran pengajaran (Hamzah et al., 2020). Guru yang mempunyai efikasi kendiri yang tinggi dalam pengajaran Tilawah Al-Quran cenderung untuk mempamerkan sikap yang lebih positif, bermotivasi, dan berdedikasi dalam pengajaran mereka, serta lebih bersedia untuk menghadapi cabaran dan rintangan dalam melaksanakan tugas ini (Tschannen-Moran & Hoy, 2001; Morris et al., 2017). Efikasi kendiri guru yang tinggi juga dikaitkan dengan penggunaan strategi pengajaran yang lebih berkesan, pengurusan bilik darjah yang lebih baik, dan interaksi yang lebih

positif dengan pelajar, yang seterusnya dapat meningkatkan pencapaian dan motivasi pelajar dalam pembelajaran Tilawah Al-Quran (Hamzah et al., 2020; Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Selain itu, efikasi kendiri guru yang tinggi juga dapat mengurangkan tekanan dan burnout dalam kalangan guru Tilawah Al-Quran, serta meningkatkan kepuasan kerja dan komitmen mereka terhadap profesion keguruan (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018; Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Justeru, adalah penting untuk memahami dan meningkatkan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, bagi memastikan kualiti pengajaran yang tinggi dan pencapaian pelajar yang optimum dalam bidang ini (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023).

2.5 Kajian Lepas Berkaitan Efikasi Kendiri Guru dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran

Walaupun kajian berkaitan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran masih terhad, beberapa kajian telah cuba mengenal pasti dimensi-dimensi yang relevan. Hamzah et al. (2020) mengkaji efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran di sekolah rendah Malaysia dan mengenal pasti empat dimensi: (1) pengetahuan kandungan pedagogi, (2) pengurusan bilik darjah, (3) motivasi pelajar, dan (4) penilaian pembelajaran pelajar. Dapatan ini menunjukkan bahawa efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran melibatkan aspek pengetahuan, kemahiran pedagogi, dan keupayaan untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar (Hamzah et al., 2020; Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Selain itu, kajian oleh Nor Asmawati Ismail dan Najihah Abd. Wahid (2018) mendapati bahawa efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pengalaman mengajar, latihan profesional, dan sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah. Dapatan ini menunjukkan kepentingan faktor kontekstual dalam pembentukan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018; Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Kajian oleh Haswani Dzul, Zaharah Hussin dan Abdul Muhsien Sulaiman (2023) pula mencadangkan model konseptual efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran yang menggabungkan teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan perspektif Al-Ghazali (1988). Model ini mengambil kira dimensi-dimensi seperti pengalaman, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, keadaan emosi, motivasi, dan usaha dalam mempengaruhi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Walaupun kajian-kajian ini memberikan pemahaman awal tentang efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, masih terdapat keperluan untuk kajian empirikal yang lebih mendalam bagi mengesahkan dan mengembangkan lagi dapatan ini (Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023).

2.6 Integrasi Teori Efikasi Kendiri Bandura dan Perspektif Al-Ghazali

Integrasi teori efikasi kendiri Bandura (1997) dengan perspektif Al-Ghazali (1988) dalam kajian ini bertujuan untuk memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran. Teori efikasi kendiri Bandura menekankan empat sumber utama yang mempengaruhi

efikasi kendiri individu, iaitu pengalaman penguasaan, pengalaman tidak langsung, pujukan lisan, dan keadaan emosi (Bandura, 1997; Morris et al., 2017; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Perspektif Al-Ghazali pula menekankan kepentingan niat, usaha, dan motivasi intrinsik dalam proses pembelajaran dan pengajaran (Al-Ghazali, 1988). Dengan mengintegrasikan kedua-dua perspektif ini, kajian ini mengambil kira faktor-faktor yang mempengaruhi efikasi kendiri guru secara lebih komprehensif, merangkumi aspek kognitif, afektif, dan spiritual (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023; Salifu et al., 2018). Integrasi ini membolehkan pengkaji mengenal pasti dimensi-dimensi efikasi kendiri guru yang khusus dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, seperti pengetahuan, kemahiran pedagogi, motivasi, dan usaha, yang melangkaui dimensi-dimensi yang dicadangkan oleh Bandura (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018; Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Model konseptual yang dihasilkan melalui integrasi ini dijangka dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, serta menyediakan asas untuk kajian empirikal pada masa hadapan dan pembangunan program latihan guru yang lebih berkesan (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023; Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Integrasi teori efikasi kendiri Bandura dan perspektif Al-Ghazali juga dapat memperkaya dan mengembangkan lagi teori efikasi kendiri dalam konteks pendidikan Islam, dengan mengambil kira faktor-faktor yang unik dan spesifik dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018; Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Justeru, integrasi ini menyediakan landasan teori yang lebih kukuh dan menyeluruh untuk memahami dan meningkatkan efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, serta membuka ruang untuk kajian lanjutan yang lebih mendalam dan inovatif dalam bidang ini (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023; Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023).

3.0 Metod Kajian

Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis konseptual untuk mengenal pasti dan menganalisis dimensi-dimensi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, yang melibatkan pemeriksaan terperinci terhadap konsep dan teori yang berkaitan dengan topik kajian, serta sintesis idea-idea untuk menghasilkan kerangka konseptual yang baharu atau lebih komprehensif (Valchev, H. I. 2018). Data untuk kajian ini diperoleh melalui pencarian dan analisis sumber-sumber sekunder, termasuk buku, artikel jurnal, dan tesis yang berkaitan dengan topik kajian, yang dikenal pasti melalui pangkalan data atas talian seperti Google Scholar, JSTOR, dan ProQuest, serta melalui rujukan silang daripada sumber-sumber yang relevan, dengan menggunakan kata kunci seperti "efikasi kendiri guru", "pengajaran Tilawah Al-Quran", "teori efikasi kendiri Bandura", dan "perspektif Al-Ghazali tentang pendidikan", dan sumber-sumber ini kemudiannya disaring berdasarkan kerelevanan dan kualiti untuk memastikan data yang diperoleh adalah sahih dan sesuai untuk tujuan kajian ini. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, yang melibatkan proses pengekodan dan pengkategorian data untuk mengenal pasti tema-tema dan corak yang muncul (Braun & Clarke, 2006), dengan tema-tema yang dikenal pasti akan berfokus kepada dimensi-dimensi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, berdasarkan teori efikasi kendiri

Bandura (1997) dan perspektif Al-Ghazali (1988), melalui langkah-langkah berikut: (1) membiasakan diri dengan data melalui pembacaan berulang, (2) menjana kod awal, (3) mencari tema dalam kod, (4) mengkaji semula tema, (5) menentukan dan menamakan tema, dan (6) menghasilkan laporan (Braun & Clarke, 2006), dan hasil analisis data ini akan digunakan untuk membentuk model konseptual efikasi kendiri guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran.

4.0 Hasil Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis terhadap teori efikasi kendiri Bandura (1997) dan perspektif Al-Ghazali (1988), enam dimensi efikasi kendiri guru dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran telah dikenal pasti: (i) pengalaman, (ii) pengalaman tidak langsung, (iii) pujukan lisan, (iv) keadaan emosi, (v) motivasi, dan (vi) usaha. Dimensi (i) hingga (iv) adalah berdasarkan teori efikasi kendiri Bandura, manakala dimensi (v) dan (vi) adalah berdasarkan perspektif Al-Ghazali tentang pembelajaran dan pengajaran (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023; Salifu et al., 2018). Dimensi pengalaman merujuk kepada pengalaman langsung guru dalam melaksanakan tugas pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana kejayaan atau kegagalan pada masa lalu akan mempengaruhi efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Tschannen-Moran & Hoy, 2007; Morris et al., 2017). Dimensi pengalaman tidak langsung pula melibatkan pemerhatian guru terhadap kejayaan atau kegagalan rakan sekerja dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, yang boleh meningkatkan atau melemahkan efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Dimensi pujukan lisan merangkumi maklum balas positif, galakan, dan sokongan daripada pihak lain berkaitan prestasi guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran, yang dapat mempengaruhi efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Chizhik et al., 2018; Nishimura & Sakurai, 2017). Dimensi keadaan emosi pula merujuk kepada reaksi emosi guru terhadap tugas pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana emosi positif dapat meningkatkan efikasi kendiri, manakala emosi negatif boleh melemahkan efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Hagenauer et al., 2015; Chen, 2019).

4.1. Pengalaman

Dimensi pengalaman merujuk kepada pengalaman langsung guru dalam melaksanakan tugas pengajaran Tilawah Al-Quran, di mana kejayaan atau kegagalan guru dalam mengajar Tilawah Al-Quran pada masa lalu akan mempengaruhi tahap efikasi kendiri mereka (Bandura, 1997; Tschannen-Moran & Hoy, 2007; Morris et al., 2017). Pengalaman mengajar yang positif, di mana guru berjaya membantu pelajar menguasai kemahiran membaca Al-Quran dengan baik, akan meningkatkan efikasi kendiri guru dan keyakinan mereka terhadap keupayaan untuk mengajar dengan berkesan (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Sebaliknya, pengalaman mengajar yang negatif, seperti kegagalan dalam membantu pelajar mencapai objektif pembelajaran atau kesukaran dalam menguruskan tingkah laku pelajar, boleh menjejaskan efikasi kendiri guru dan menyebabkan mereka berasa kurang yakin dengan keupayaan mereka (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018). Pengalaman mengajar yang berulang-ulang, sama ada positif atau negatif, akan membentuk corak efikasi kendiri guru dan mempengaruhi prestasi mereka dalam

pengajaran Tilawah Al-Quran (Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Guru yang kerap mengalami kejayaan dalam pengajaran Tilawah Al-Quran akan membentuk efikasi kendiri yang tinggi dan stabil, manakala guru yang kerap mengalami kegagalan atau kesukaran mungkin mempunyai efikasi kendiri yang rendah dan tidak stabil (Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Justeru, adalah penting untuk memastikan guru mempunyai pengalaman mengajar yang positif dan bermakna dalam konteks pengajaran Tilawah Al-Quran, bagi membentuk efikasi kendiri yang tinggi dan menyokong perkembangan profesional mereka (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023).

4.2 Pengalaman Tidak Langsung

Dimensi pengalaman tidak langsung melibatkan pemerhatian guru terhadap kejayaan atau kegagalan rakan sekerja dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Bandura, 1997; Stigmar, 2016; Warwick et al., 2019). Apabila guru menyaksikan rakan sekerja yang mempunyai ciri-ciri yang serupa dengan mereka, seperti tahap pengalaman mengajar atau latar belakang pendidikan yang sama, berjaya dalam mengajar Tilawah Al-Quran, mereka akan lebih yakin dengan keupayaan mereka sendiri untuk mencapai kejayaan yang sama (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Pemerhatian ini bertindak sebagai sumber maklumat tidak langsung yang mempengaruhi efikasi kendiri guru, di mana mereka membuat penilaian tentang keupayaan mereka berdasarkan prestasi orang lain yang serupa dengan mereka (Bandura, 1997; Stigmar, 2016). Sebaliknya, pemerhatian terhadap kegagalan atau kesukaran yang dihadapi oleh rakan sekerja dalam pengajaran Tilawah Al-Quran mungkin menjejaskan efikasi kendiri guru, terutamanya jika mereka menganggap diri mereka mempunyai keupayaan yang sama atau lebih rendah berbanding rakan sekerja tersebut (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018). Walau bagaimanapun, kesan pemerhatian tidak langsung terhadap efikasi kendiri guru mungkin bergantung pada beberapa faktor, seperti tahap persamaan antara guru dan rakan sekerja yang diperhatikan, serta atribusi guru terhadap kejayaan atau kegagalan rakan sekerja tersebut (Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Guru yang menganggap kejayaan rakan sekerja disebabkan oleh faktor-faktor yang stabil dan boleh dikawal, seperti usaha dan strategi pengajaran yang berkesan, mungkin akan mengalami peningkatan efikasi kendiri yang lebih tinggi berbanding guru yang mengatribusikan kejayaan rakan sekerja kepada faktor-faktor luaran atau tidak stabil (Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023).

4.3 Pujukan Lisan

Dimensi pujukan lisan merangkumi maklum balas positif, galakan, dan sokongan daripada pihak lain, seperti pentadbir sekolah, rakan sekerja, atau pelajar, berkaitan prestasi guru dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Bandura, 1997; Chizhik et al., 2018; Nishimura & Sakurai, 2017). Pujukan lisan yang positif, seperti pujian, pengiktirafan, dan galakan daripada pihak pentadbiran sekolah atau rakan sekerja, dapat meningkatkan efikasi kendiri guru dan motivasi mereka untuk terus memperbaiki amalan pengajaran Tilawah Al-Quran (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023). Maklum balas yang membina dan spesifik tentang kekuatan dan area penambahbaikan dalam pengajaran guru juga dapat membantu

mereka membentuk penilaian yang lebih tepat tentang keupayaan mereka dan menetapkan matlamat yang lebih realistik untuk peningkatan prestasi (Nor Asmawati Ismail & Najihah Abd. Wahid, 2018). Selain itu, sokongan emosi dan instrumental daripada rakan sekerja, seperti perkongsian sumber pengajaran atau bantuan dalam menyelesaikan masalah pengajaran, juga dapat meningkatkan efikasi kendiri guru dan keyakinan mereka untuk menghadapi cabaran dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Salbiah Mohamed Salleh @ Salleh et al., 2017). Sebaliknya, kritikan negatif, kurangnya pengiktirafan, atau ketiadaan sokongan daripada pihak pentadbiran atau rakan sekerja mungkin menjejaskan efikasi kendiri guru dan menyebabkan mereka berasa kurang yakin dengan keupayaan mereka dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Muhammad Adib & Jamayah Lasot, 2023). Justeru, adalah penting untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang menyokong dan menggalakkan perkembangan profesional guru, serta memberikan maklum balas dan sokongan yang membina untuk meningkatkan efikasi kendiri mereka dalam pengajaran Tilawah Al-Quran (Haswani Dzul, Zaharah Hussin & Abdul Muhsien Sulaiman, 2023).

4.4 Keadaan Emosi

